

Mahathir dijangka umum parti baru petang ini

Malaysiakini

07 Ogos 2020

Hariz Mohd

Bekas perdana menteri Dr Mahathir Mohamad dijangka mengumumkan parti baru pada jam 4 petang ini, menurut sumber.

Langkah itu diambil selepas beberapa jam Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membenarkan permohonan Muhyiddin Yassin untuk mengetepikan saman Mahathir dan empat lagi anggota parlimen yang mencabar pemecatan mereka daripada Bersatu.

Menurut sumber, Mahathir dijangka mengadakan sidang akhbar di Yayasan Al Bukhary atau sebuah hotel di Kuala Lumpur bagi mengumumkan penubuhan parti baru itu.

“Ia dijadualkan pada jam empat petang. Undangan media (ke acara itu) akan dikeluarkan tidak lama lagi,” kata sumber yang dekat dengan Mahathir.

“Tun mungkin akan bercakap di sebuah hotel di Bangsar, boleh tunggu di sana,” kata satu lagi sumber.

Sementara itu, Sinar Harian melaporkan parti baru itu akan dikenali sebagai Parti Bersatu Rakyat Malaysia.

Penglibatan Mahathir dalam parti-parti politik

1946	Sertai Umno.
1969	Dipecat dari Umno setelah mengkritik Tunku Abdul Rahman.
1972	Sertai Umno kembali atas jemputan Tun Abdul Razak.
1981	Dipilih sebagai presiden Umno.
1988	Tubuhkan Umno Baru setelah Umno diharamkan susulan pertikaian berkaitan pemilihan parti 1987.
2003	Letak jawatan sebagai presiden Umno dan digantikan dengan Abdullah Ahmad Badawi.
2008	Keluar Umno kerana tidak yakin dengan kepimpinan Abdullah ekoran kekalahan teruk BN pada PRU12.
2009	Sertai Umno semula selepas Abdullah letak jawatan dan digantikan dengan Najib Razak.
Feb 2016	Keluar Umno selepas pertikaian dengan Najib mengenai skandal 1MDB.
Sept 2016	Bersatu didaftarkan dan dilantik sebagai pengerusi.
Feb 2020	Letak jawatan sebagai pengerusi Bersatu, namun ditolak oleh majlis tertinggi parti. Muhyiddin Yassin kemudian menjadi pemangku pengerusi.
Mei 2020	Keahlian Bersatu dibatalkan kerana duduk di blok pembangkang di parlimen.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malysiakini.com/news/537698>